



MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN

KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Majlis Perbandaran Kuantan** untuk mengemukakan tawaran buat masa ini bagi bekalan/perkhidmatan berikut:-

BIL	TAJUK	HARGA DOKUMEN SEBUTHARGA	LESEN	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH SEBUTHARGA DITUTUP
1	Membekal Pakaian Sukan Kepada Majlis Perbandaran Kuantan (MPK/W/SH:43/2017)	RM31.80 (termasuk GST - tidak akan dikembalikan. Bayaran tunai/ dalam bentuk bank draf/ kiriman wang daripada Bank Tempatan Berlesen)	Kementerian Kewangan Malaysia Kod Bidang – 030101	Kaunter Berpusat Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan	29 Mei 2017 (Isnin) jam 12.00 tengahari.

1. Dokumen tawaran boleh disemak dan dibeli pada waktu pejabat sahaja mulai **22 Mei 2017 (Isnin)** di kaunter berpusat **Ibu Pejabat, Majlis Perbandaran Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur**.
2. Syarikat yang berminat hendaklah mengemukakan **Sijil Pendaftaran Majlis Perbandaran Kuantan, Sijil Kementerian Kewangan** dan **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** semasa pembelian dokumen sebutharga.
3. Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan dimeteri serta bertulis di sudut kiri atas tajuk seperti di atas dan dikembalikan kepada:- **Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuantan, Bahagian Belanjawan dan Perolehan, Jabatan Perbendaharaan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur** sebelum tarikh tutup tawaran iaitu tepat jam **12.00 tengahari** pada atau sebelum **29 Mei 2017 (Isnin)**.
4. Pihak MPK tidak terikat untuk menerima tawaran serta tidak bertanggungjawab di atas apa juga perbelanjaan yang ditanggung oleh petender untuk mengemukakan tawaran ini. Sebarang pertanyaan, sila hubungi **Bahagian Komuniti dan Pembangunan Sukan, Jabatan Pembangunan Komuniti dan Pelancongan MPK** di talian : **09-5689803**